



Terma dan Syarat

***Kempen Pembukaan Cawangan
Alliance Bank Alor Setar***

Terma dan Syarat Am

1. "Kempen Permbukaan Cawangan Alliance Bank Alor Setar" ("**Kempen**") dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad ("**Bank**"). Kempen ini akan dijalankan dari **15 Julai 2024 hingga 31 Oktober 2024**, termasuk kedua-dua tarikh, kecuali dinyatakan sebaliknya ("**Tempoh Kempen**").
2. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) diingatkan untuk membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya semua terma dan syarat kempen ini ("**Terma dan Syarat**") di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk diikat oleh dan menerima semua Terma dan Syarat.
3. Pelanggan baharu dan sedia ada yang memenuhi syarat seperti yang ditetapkan akan dirujuk secara kolektif sebagai "**Pelanggan yang Layak**". Walau apa pun yang dinyatakan di atas, individu berikut **TIDAK layak** untuk menyertai Kempen ini:
 - a) Pelanggan yang mempunyai akaun dorman atau tidak aktif dengan Bank atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank; atau
 - b) Pelanggan yang mempunyai akaun yang tidak dikendalikan secara memuaskan dengan Bank mengikut polisi dalaman Bank; atau
 - c) Mana-mana individu lain yang ditentukan oleh Bank untuk dikecualikan mengikut polisi dalamannya.
4. Kempen ini hanya tersedia di cawangan Alliance Bank Alor Setar ("**Cawangan Acara**"). Pelanggan yang berminat untuk melengkapkan pendaftaran dan permohonan dikehendaki untuk melawat Cawangan Acara semasa Tempoh Kempen.
5. Pelanggan yang Layak mesti mendaftar untuk produk sertaan semasa Tempoh Kempen dan memenuhi keperluan minimum yang dinyatakan dalam **Jadual A/B/C/D** supaya layak mendapat ganjaran yang dinyatakan dalam **Jadual A/B/C/D** di bawah ("**Ganjaran Kempen**").

Jadual A:

Tawaran Baharu kepada Bank / Baharu kepada Produk

Produk Sertaan	Kriteria Kempen	Ganjaran Kempen*	Had Ganjaran
Akaun Semasa/Simpanan/-i ("CASA/-i") <u>kecuali</u> Akaun SaveLink, Akaun Perdagangan Saham (" Akaun yang Layak ")	Memohon dan mengaktifkan Akaun yang Layak dengan baki akhir bulam minimum RM500 pada Bulan Pembukaan Akaun	RM20 Pulangan Tunai	Terhad kepada 1,500 pelanggan pertama yang berjaya

Jadual B:

Tawaran Baharu kepada Segmen

Keahlian	Kriteria Keahlian	Ganjaran Kempen	Had Ganjaran
Alliance Privilege Banking (" PB ")	Pelanggan yang Layak perlu menjadi pelanggan PB Baharu Utama dengan Aset Di Bawah Pengurusan Boleh Labur Bersih ("NIA AUM") minimum RM300,000 dalam Deposit (tidak termasuk Akaun Savelink) dan/atau Pelaburan (tidak termasuk Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") dan Bankasurans Premium Berkala ("RP")) dan membuka sekurang-kurangnya satu daripada akaun berikut dengan deposit minimum RM10,000: <ol style="list-style-type: none">a. Alliance Hybrid Account/-i orb. Alliance SavePlus Account/-i	RM200 Pulangan Tunai	Terhad kepada 100 pelanggan pertama yang berjaya
Alliance Personal (" AP ")	Pelanggan yang Layak perlu menjadi pelanggan AP Baharu Utama dengan Aset Di Bawah Pengurusan Boleh Labur Bersih ("NIA AUM") minimum RM100,000 dalam Deposit (tidak termasuk Akaun Savelink) dan/atau	RM100 Pulangan Tunai	Terhad kepada 100 pelanggan

Keahlian	Kriteria Keahlian	Ganjaran Kempen	Had Ganjaran
	Pelaburan (tidak termasuk Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") dan Bankasurans Premium Berkala ("RP")) dan membuka sekurang-kurangnya satu daripada akaun berikut dengan deposit minimum RM10,000: a. Alliance Hybrid Account/-i atau b. Alliance SavePlus Account/-i		pertama yang berjaya

Jadual C:
Tawaran Banca RP Baru

Produk Sertaan	Kriteria Kempen	Ganjaran Kempen	Had Ganjaran
<u>Bankasurans Baharu Premium Berkala (Banca RP)</u> <ul style="list-style-type: none"> • Elite Life Guard 2 • Elite Life Guard Plus 2 • EliteLife Signature Legacy • Elite Smart Invest • Elite Max 88 • Elite Income 88 • EliteLife Signature Saver ("Produk Banca RP yang Layak")	Pelanggan Baharu and sedia ada yang melanggan Produk Banca RP yang Layak dengan Setara Premium Tahunan (APE) minimum RM25,000	RM125 Pulangan Tunai	Terhad kepada 30 pelanggan pertama yang berjaya

Jadual D:
Tawaran Baharu kepada UA

Produk Sertaan	Kriteria Kempen	Ganjaran Kempen	Had Ganjaran
<u>Baharu kepada Unit Amanah (UA)</u> Dana Unit Amanah Konvensional terpilih dengan caj jualan minimum 2.50% ("UT yang Layak")	Pelanggan yang baru kepada UA yang melabur dalam UT yang Layak dengan amaun pelaburan minimum sebanyak RM50,000	RM250 Pulangan Tunai	Terhad kepada 50 pelanggan pertama yang berjaya

6. Dari segi had Ganjaran, Pelanggan yang Layak akan diberi ganjaran mengikut dasar tiba dahulu layan dahulu, berdasarkan tarikh pembukaan akaun/transaksi dan tertakluk pada ketersediaan Ganjaran Kempen. Jika Ganjaran ditebus sepenuhnya, Bank tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan Pelanggan yang Layak.

Terma dan Syarat untuk Tawaran Baharu kepada Bank / Baharu kepada Produk

7. Pelanggan yang Layak dikehendaki memenuhi semua kriteria dan memenuhi Kriteria Kempen seperti yang dinyatakan dalam Jadual A untuk layak menerima Ganjaran Kempen;
- a) Individu yang telah mencapai umur lapan belas (18) tahun dan ke atas; dan
 - b) Tidak memegang sebarang Akaun Semasa/Simpanan/-i ("CASA/-i") termasuk Akaun SaveLink, Akaun Perdagangan Saham dan Akaun Pembiayaan Margin Saham (SMF) dengan Bank dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh permulaan Tempoh Kempen; dan
 - c) Memohon Akaun yang Layak semasa Tempoh Kempen, berjaya membuka dan mengaktifkan Akaun yang Layak, jika tidak, Bank berhak untuk membatalkan Ganjaran Kempen.
8. Mereka yang berikut **TIDAK layak** untuk menyertai untuk tawaran Baharu kepada Bank / Baharu kepada Produk:
- a) Kakitangan Tetap dan/atau kontrak Bank (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitannya); atau
 - b) Pelanggan bergaji di bawah Alliance@Work.

9. Pelanggan yang Layak mesti mengekalkan baki dalam Akaun yang Layak mengikut kriteria yang ditetapkan dalam Jadual A sehingga akhir bulan pembukaan akaun untuk layak mendapat Ganjaran Kempen dalam Jadual A. Ganjaran Kempen akan dipenuhi melalui kurier, sistem bank dan/atau rakan kongsi.
10. Bagi Pelanggan yang Layak yang memegang akaun secara bersama dengan pihak lain, semua akaun sedemikian akan dianggap sebagai satu akaun sahaja, berdasarkan nama pemegang akaun utama. Dalam keadaan pemegang akaun bersama, Ganjaran Kempen akan diberikan kepada pemegang akaun utama sahaja. Pelanggan yang Layak mestilah pemegang utama produk sertaan yang didaftarkan dan juga memadan dengan nama pemegang utama Akaun yang Layak mereka untuk menikmati Ganjaran Kempen.
11. Akaun yang Layak mestilah sah dan aktif (tidak ditutup atau ditamatkan) seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut polisi dalaman Bank, supaya layak dimasukkan semasa dan selepas Tempoh Kempen serta berhak menerima Ganjaran Kempen. Jika Pelanggan yang Layak menutup Akaun yang Layak atas apa-apa sebab semasa Tempoh Kempen dan tempoh pemenuhan, maka penyertaan beliau dalam Kempen akan terbatal dan tidak sah berkuat kuasa serta-merta.

Terma dan Syarat untuk Tawaran Baharu kepada Segmen

12. Pelanggan yang Layak dikehendaki mendaftar keahlian PB/AP di Cawangan Acara dan memenuhi Kriteria Keahlian seperti yang dinyatakan dalam Jadual B untuk layak menerima Ganjaran Kempen.
13. Pelanggan yang Layak mesti memenuhi Kriteria Keahlian dan kekal sah supaya layak menerima ganjaran kempen.
14. Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak mendapat satu (1) jenis Ganjaran Kempen bagi setiap Keahlian Alliance seperti yang disenaraikan dalam Jadual B.
15. Untuk butiran mengenai keistimewaan, manfaat, lokasi, maklumat perhubungan serta terma dan syarat am untuk Keahlian Alliance, Pelanggan yang Layak boleh merujuk kepada laman web masing-masing seperti berikut:

Keahlian Alliance	Laman web
Alliance Privilege Banking ("PB")	https://www.alliancebank.com.my/alliance-privilege
Alliance Personal ("AP")	https://www.alliancebank.com.my/alliancepersonal

Terma dan Syarat untuk Tawaran Banca RP Baru

16. Tawaran Banca RP Baru terbuka kepada semua Pelanggan yang Layak baharu dan sedia ada.
17. Pelanggan yang Layak dikehendaki memenuhi kelayakan dan memenuhi Kriteria Kempen yang dinyatakan dalam Jadual C untuk layak menerima Ganjaran Kempen.
18. Setiap Pelanggan yang Layak akan layak mendapat satu (1) Ganjaran Kempen walaupun pelanggan telah memenuhi beberapa kali.
19. Pelanggan yang Layak dikehendaki membeli Produk Banca RP yang Layak dengan Setara Premium Tahunan (APE) minimum sebanyak RM25,000 dan berkuat kuasa semasa Tempoh Kempen untuk layak mendapat Ganjaran Kempen.
20. Senarai Produk Banca RP yang Layak tersedia di Cawangan Acara dan/atau dengan menghubungi pengurus perhubungan.
21. Pembelian Produk Banca RP yang Layak perlu diserahkan dan diterima oleh Manulife Insurance Berhad dalam Tempoh Kempen dan diterbitkan dan/atau dikeluarkan pada atau sebelum 15 November 2024.

22. Sekiranya permohonan atau polisi insurans ditolak, ditamatkan, dibatalkan, berada dalam tempoh bertenang atau luput dalam Tempoh Kempen, Pelanggan yang Layak tidak akan layak untuk Ganjaran Kempen.

Terma dan Syarat untuk Tawaran Baharu kepada UA

23. Tawaran Baharu kepada UA terbuka kepada semua Pelanggan yang Layak baharu atau sedia ada yang **tidak** mempunyai mana-mana akaun/profil/rekod Pelaburan sedia ada dalam system perbankan kami pada 14 Julai 2024.
24. Pelanggan yang Layak dikehendaki memenuhi kelayakan dan memenuhi Kriteria Kempen yang dinyatakan dalam Jadual D untuk layak menerima Ganjaran Kempen.
25. Setiap Pelanggan yang Layak akan layak mendapat satu (1) Ganjaran Kempen walaupun pelanggan telah memenuhi beberapa kali.
26. Akaun pelaburan merujuk kepada Akaun Unit Amanah, Akaun Pelaburan Berstruktur, Akaun Pelaburan Dwi Mata Wang dan Akaun Sekuriti Runcit/Sukuk Runcit.
27. Pelanggan yang Layak dikehendaki melabur dalam dana UT yang Layak dengan amaun pelaburan minimum sebanyak RM50,000 ("Amaun UT Minimum") semasa Tempoh Kempen untuk layak mendapat Ganjaran Kempen.
28. Sekiranya pelaburan dalam UT yang Layak menggunakan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan/atau bertenang dalam tempoh bertenang, Pelanggan yang Layak tidak akan layak untuk Ganjaran Kempen.
29. Senarai UT yang Layak tersedia di Cawangan Acara dan/atau dengan menghubungi pengurus perhubungan.

Terma dan Syarat Lain

30. Bank berhak untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman web rasmi Bank.
31. Pemenuhan Ganjaran Kempen akan dilaksanakan dalam Tempoh Kempen atau selewat-lewatnya dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas Tempoh Kempen berakhir. Apa-apa pertikaian tidak akan dilayan selepas itu.
32. Ganjaran Kempen tidak boleh ditukar dengan tunai atau pilihan kredit lain.
33. Bank tidak menerima sebarang tanggungjawab untuk tuntutan yang tidak dikreditkan dalam tempoh pemenuhan akibat butiran tidak betul atau tidak lengkap yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak. Ia adalah tanggungjawab Pelanggan yang Layak untuk memastikan butiran yang betul disediakan supaya Ganjaran Kempen tersebut dapat diproses. Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesesakan atau ketidakbolehcapaian internet.
34. Pelanggan yang Layak mengakui dan menerima bahawa kegagalan untuk mematuhi peruntukan dokumentasi dan maklumat mengikut Terma dan Syarat Kempen ini akan menyebabkan Pelanggan yang Layak kehilangan hak untuk menerima Ganjaran Kempen tanpa Bank menanggung sebarang liabiliti.
35. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat.
36. Jika Pelanggan yang Layak menyertai beberapa kempen atau promosi pada masa yang sama, Pelanggan yang Layak hanya berhak menerima ganjaran di bawah salah satu kempen atau promosi yang disertai beliau. Bank berhak untuk memutuskan kempen atau promosi yang akan digunakan untuk Pelanggan yang Layak yang berkenaan.

37. *Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai, kos sampingan dan/atau caj yang berkaitan dengan mana-mana Ganjaran Kempen. Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang cukai, kos sampingan, caj dan/atau ganti rugi yang disebabkan oleh apa-apa Ganjaran Kempen dan/atau tiada pemenuhan oleh sebarang ejen/pembekal/pengedar.*
38. *Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk apa-apa ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan yang Layak akibat penggunaan Ganjaran Kempen tanpa kebenaran mana-mana orang yang tidak diluluskan oleh Pelanggan yang Layak.*
39. *Terma dan Syarat ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana satu atau lebih daripada satu terma, syarat dan/atau garis panduan sedia ada yang mentadbir dan/atau mengawal selia operasi dan/atau penyelenggaraan Akaun yang Layak atau sebaliknya.*
40. *Pelanggan yang Layak selanjutnya bersetuju untuk bekerjasama dan mematuhi permintaan daripada Bank bagi tujuan menganjurkan, mempromosi dan menjalankan Kempen ini.*
41. *Bank berhak membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak atau menarik balik Pulangan Tunai dalam keadaan di mana terdapat transaksi penipuan, tanpa kebenaran atau pembalikan atau pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini mengikut polisi dalaman Bank. Semua rekod Bank untuk transaksi yang dilakukan adalah muktamad dan terakhir.*
42. *Semua keputusan yang dilakukan oleh Bank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Sebarang rayuan, surat-menyurat, atau pertikaian tidak akan dipertimbangkan.*
43. *Bank berhak untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut polisi dalaman Bank, dengan memberi notis terlebih dahulu. Untuk versi terkini Terma dan Syarat, sila layari www.alliancebank.com.my dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma di sini dan versi yang dikemas kini, syarat yang terkini akan digunakan tetapi hanya setakat percanggahan tersebut.*
44. *Sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau penganjutan Tempoh Kempen tidak melayakkan Pelanggan yang Layak melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atau untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan, penggantungan atau penganjutan sedemikian disebabkan oleh tindakan Pelanggan yang Layak sendiri.*
45. *Bank tidak bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif, atau ganti rugi khas atau prosiding yang dikemukakan oleh mana-mana pihak (termasuk pihak ketiga) yang timbul atau dialami oleh pelanggan yang layak atau pihak lain kerana kesalahan pelanggan yang layak sendiri, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini.*
46. *Semua Terma dan Syarat termasuk penambahan, pepadaman, perubahan dan/atau pindaan yang mungkin dilakukan berkenaan dengannya dari semasa ke semasa akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kecuali dipersetujui sebaliknya oleh Bank, Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah kompeten Malaysia.*
47. *Pelanggan yang Layak dengan ini memberikan persetujuan yang jelas dan muktamad dan membenarkan Bank untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk pengiklanan dan/atau promosi yang terhad kepada kempen ini sahaja, tanpa apa-apa pampasan kepada Pelanggan yang Layak.*
48. *Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Notis dan Penyata Prinsip Pilihan yang terdapat di laman web Bank <https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf> dan dengan ini memberikan persetujuan mereka dan membenarkan Bank mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh Bank untuk tujuan Kempen ini.*

49. Bank telah memulakan dan mengekalkan polisi dan prosedur yang dibentuk untuk mencegah sogokan dan rasuah oleh Bank dan pengarah, pegawai atau kakitangannya; dan sepanjang pengetahuan Bank, Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak pernah terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan sogokan yang digunakan oleh Bank. Bank tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berkaitan dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan untuk meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
50. Berdasarkan penyertaan dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini mengakui bahawa beliau telah dimaklumkan tentang ringkasan polisi antirasuah dan sogokan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy> dan seterusnya berjanji tidak akan terlibat dalam amalan rasuah tersebut dalam apa-apa sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.
51. Untuk Produk Pelaburan:
- (a) Untuk pelaburan dalam mata wang asing, Akaun Pelaburan adalah berasaskan mata wang tempatan yang setara.
- (b) Pelanggan Layak mengakui bahawa pelaburan dalam mata wang asing adalah tertakluk kepada Notis Pertukaran Asing yang lazim di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Bergantung pada status pemastautin Pelanggan Layak, dan sama ada Pelanggan Layak mempunyai peminjaman/pembiayaan dalam ringgit domestik, pelaburan dalam mata wang asing mungkin akan dikenakan had.
- i. Pelanggan Layak Pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik¹ dibenarkan untuk meminjam sebarang jumlah dalam aset mata wang asing di dalam dan di luar negara; atau
- ii. Pelanggan Layak Pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik¹ dibenarkan untuk meminjam:
- Sebarang jumlah menggunakan dana mata wang asing yang tersedia; atau
 - Sehingga RM1 juta bersamaan secara agregat pada dasar individu bagi setiap tahun kalendar menggunakan:
 - Dana mata wang asing yang diperoleh daripada penukaran ringgit;
 - Sebarang pemindahan daripada Akaun Mata Wang Asing Perdagangan ("TFCA") kepada Akaun Mata Wang Asing Pelaburan ("IFCA");
 - Melalui penukaran aset kewangan;
 - Sehingga RM10 juta bersamaan secara agregat bagi pinjaman mata wang asing yang diperoleh pemastautin daripada Bank Dalam Pesisir Berlesen ("LOB") atau bukan pemastautin.
- (c) Pelanggan Layak bersetuju bahawa jika Jumlah Pelaburan melebihi sebarang had yang ditetapkan oleh Notis Pertukaran Asing, Bank boleh mendebit akaun, menukar lebihan kepada Ringgit pada kadar belian lazim Bank yang berkenaan dan mengkreditkan akaun Ringgit Pelanggan Layak dengan Bank.
52. Pelanggan Layak mesti menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi segala terma dan syarat yang terpakai pada Produk Sertaan beliau di bawah Kempen, yang berasingan daripada terma dan syarat di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak mengakui bahawa mereka telah memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan segala Terma dan Syarat.

¹Peminjaman ringgit domestik merujuk kepada:

- i. sebarang kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan Ringgit yang digunakan atau tidak digunakan, peminjaman, saham keutamaan boleh tebus, saham keutamaan boleh tebus Islam, Bon Korporat atau Sukuk yang diperoleh Pemastautin daripada Pemastautin lain **tidak termasuk**:
- (a) tempoh kredit perdagangan yang dilanjutkan oleh pembekal untuk apa-apa barangan atau perkhidmatan;
- (b) had kredit yang dibahagikan oleh Bank Dalam Pesisir Berlesen ("LOB") untuk pelanggannya menjalankan transaksi Asas Hadapan, tidak termasuk transaksi yang melibatkan pertukaran atau penukaran hutang Ringgit atau Mata Wang Asing kepada hutang Mata Wang Asing yang lain atau pertukaran hutang Mata Wang Asing dengan hutang Ringgit;
- (c) Jaminan Kewangan atau Jaminan Bukan Kewangan;
- (d) kemudahan pajakan operasi;

- (e) kemudahan pemfaktoran tanpa bantuan;
 - (f) kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang diperoleh Pemastautin Individu daripada Pemastautin untuk membeli satu (1) harta kediaman dan satu (1) kenderaan; atau
 - (g) kemudahan kad kredit dan kad caj yang diperoleh Pemastautin Individu daripada Pemastautin dan digunakan untuk pembayaran barangan dan perkhidmatan runcit sahaja.
- ii. apa-apa kewajipan yang dipertimbangkan atau dianggap sebagai Peminjaman Ringgit Domestik di bawah sebarang Notis Pertukaran Asing.

53. CASA-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit.

54. CASA-i dan produk Islamik deposit yang layak untuk Pelanggan Segmen Baharu (Keahlian PB/AP) adalah berasaskan konsep Syariah Tawarruq.

Pencegahan dan Pengurangan Penipuan Perbankan dan 'Scam' Kewangan

55. Bank mungkin menyediakan maklumat atau kandungan terkini dari semasa ke semasa bagi mendidik Pelanggan yang Layak dan mewujudkan kesedaran yang membantu mencegah atau mengurangkan risiko penipuan dan 'scam'. Ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, kemas kini perisian/sistem pengendalian/aplikasi/versi, dan keperluan pengawalseliaan daripada mana-mana badan pentadbir yang berkaitan.

56. Pelanggan yang Layak perlu menyimpan semua instrumen perbankan dalam penjagaan selamat, contohnya, buku cek/kepingan cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC). Pelanggan yang Layak perlu memaklumkan Bank dengan serta-merta apabila menyedari bahawa mana-mana perkara di atas telah hilang atau digunakan tanpa kebenaran atau kebenaran yang sewajarnya. Pelanggan yang Layak yang Layak tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian akibat daripada transaksi tanpa kebenaran yang berlaku selepas Pelanggan yang Layak memaklumkan Bank menurut Terma dan Syarat ini bahawa instrumen perbankan Pelanggan yang Layak yang disebutkan di atas telah hilang, disalahgunakan, dicuri, dikompromi atau dilanggar.

57. Jika apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Pelanggan yang Layak adalah disebabkan semata-mata oleh kecuaiannya Bank, liabiliti tunggal dan keseluruhan Bank (sama ada berkenaan dengan satu atau lebih tuntutan) kepada Pelanggan yang Layak dalam kontrak atau tort tidak boleh melebihi jumlah transaksi yang menimbulkan tuntutan atau ganti rugi langsung tersebut yang dialami, yang mana lebih rendah. Walau apa-apa sekalipun, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian perniagaan, kehilangan keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, ganti rugi tidak langsung, tuntutan, khas atau sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pengeluaran, ganjaran, penalti, prosiding dan kos tanpa mengira sama ada kemungkinan kerugian atau ganti rugi tersebut telah didedahkan kepada, atau boleh dijangka secara munasabah oleh Bank.

58. Apabila dimaklumkan oleh Pelanggan yang Layak tentang kejadian tersebut, Bank akan menjalankan siasatan dan Pelanggan yang Layak perlu memberi maklumat dan kerjasama yang sewajarnya bagi memudahkan penyiasatan. Bank dengan ini dibenarkan untuk mengambil langkah seperti berikut selepas pengesanan kejadian (dengan/tanpa kebenaran daripada pelanggan terlebih dahulu) untuk mencegah atau mengurangkan kerugian kewangan selanjutnya ketika Bank menjalankan penyiasatan:

- i. Menggantungi atau membekukan akaun yang terlibat;
 - ii. Membatalkan atau menetapkan semula akses internet atau perbankan mudah alih Pelanggan; dan/atau
 - iii. Membatalkan kesahan instrumen perbankan;
- dan Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan selepas perkara di atas telah dilaksanakan.

Produk deposit dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit bagi setiap bank kecuali Produk Pelaburan seperti yang ditetapkan di bawah garis panduan PIDM yang terdapat di www.pidm.gov.my

Manulife Insurance Berhad adalah ahli PIDM.

Produk Bankasurans Premium Berkala Berkiatan Pelaburan

Perlindungan PIDM untuk manfaat yang dibayar daripada bahagian unit polisi adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Manulife Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Produk Bankasurans Premium Berkala Tidak Berkiatan Pelaburan

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Manulife Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

PENAFIAN UNTUK PRODUK BANKASURANS

Sebelum membeli polisi insurans, anda dinasihatkan untuk merujuk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam Brosur Produk, Lembaran Maklumat Produk dan Ilustrasi Produk bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting dan pengecualian utama pelan insurans tersebut.

Produk insurans ini ditaja jamin oleh Manulife Insurance Berhad (200801013654 (814942-M)), sebuah syarikat insurans berlesen yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan diedarkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") (198201008390 (88103-W)). Bank tidak menerima tanggungjawab atau liabiliti untuk pelan atau produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Manulife Insurance Berhad.

PENAFIAN UNTUK PRODUK PELABURAN

Produk pelaburan bukanlah kewajipan bank, tidak dijamin atau diinsuranskan oleh bank dan adalah tertakluk kepada risiko pelaburan (contohnya, risiko pasaran, risiko mata wang dan risiko kredit pengeluar) termasuk kemungkinan kerugian jumlah prinsipal yang dilaburkan. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan dokumen berkaitan produk pelaburan masing-masing termasuk tetapi tidak terhad kepada prospektus atau memorandum maklumat serta lembaran sorotan produk sebelum melabur. Pelabur juga perlu mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur. Prestasi masa lampau produk pelaburan bukanlah petunjuk bagi prestasi masa hadapan. Pelabur perlu mempertimbangkan dengan teliti sama ada sebarang pandangan pelaburan atau produk pelaburan adalah sesuai memandangkan pengalaman pelaburan, objektif, sumber kewangan dan keadaan yang berkaitan mereka sendiri.

Produk pelaburan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).